

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS]
TARIKH : 14 OKTOBER 2014
SOALAN :

YB Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Klinik 1Malaysia diadakan di Lawas?

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini terdapat 25 buah Klinik 1Malaysia (K1M) di negeri Sarawak dan pada tahun 2014, sebanyak 6 lagi K1M akan ditubuhkan di Sarawak.

Pada masa ini, telah sedia ada 9 buah klinik kesihatan di dalam Daerah Lawas. Di bandar Lawas sendiri terdapat sebuah Hospital dan Klinik Kesihatan Lawas yang dapat menampung keperluan perkhidmatan kesihatan penduduk setempat, di samping perkhidmatan kesihatan oleh 3 buah klinik swasta. Fasiliti kesihatan ini dihubungi dengan jalanraya yang baik dan dapat diakses dengan mudah oleh penduduk setempat.

Pada masa ini, kemudahan kesihatan yang sedia ada sudah lebih dari mencukupi untuk penduduk di Lawas yang seramai 40,100 orang.

Namun, bagi menambahbaik perkhidmatan sedia ada, perancangan untuk membina sebuah klinik kesihatan yang lebih besar dan boleh merawat sehingga 500 pesakit sehari di Lawas, telah diluluskan dan dimasukkan ke dalam *Rolling Plan* ketiga Rancangan Malaysia ke-10. Projek ini kini dalam peringkat perancangan oleh pihak Jabatan Kerja Raya.